

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NASIONAL

Budak maut akibat strok haba Sempat terima rawatan 4 hari

Kota Bharu: Kanak-kanak lelaki berusia tiga tahun yang menjadi mangsa kedua strok haba dilaporkan menerima rawatan di hospital selama empat hari sebelum meninggal dunia Isnin lalu.

Pengarah Kesihatan Negeri, Datuk Dr Zaini Husin, berkata mangsa berasal dari Bachok dan

menerima rawatan di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM).

"Kanak-kanak itu menerima rawatan bermula 29 Mac lalu sebelum meninggal dunia pada Isnin lalu akibat strok haba.

"Justeru, kita menasihatkan ibu bapa supaya memantau dan menghadkan aktiviti di luar rumah,

terutama babit anak kecil ketika musim kemarau," katanya ketika dilihubungi.

Terdahulu, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) memaklumkan satu kes kematian baharu akibat strok haba dilaporkan berlaku minggu ini menjadikan kes kematian berkaitan cuaca panas kepada dua orang.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 28
RUANGAN : ZON SIHAT

1 daripada 7 rakyat Malaysia hadapi masalah buah pinggang

Dialisis, pemindahan organ amat diperlukan untuk memberi kualiti hidup lebih baik

Oleh Haliza Mohamad
bhnews@bh.com.my

Penyakit buah pinggang sudah menjadi antara cabaran kesihatan yang paling merumitkan di Malaysia. Malah ketika ini seorang daripada tujuh rakyat Malaysia berhadapan masalah itu dengan 9,000 lagi dikesan sebagai pesakit dialisis yang baharu.

Pakar Perunding Nefrologi Intervensi, Hospital Sultan Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Wan Zul Haikal Hafiz Wan Zukiman, berkata apabila buah pinggang gagal berfungsi ia boleh membawa kepada kurang selera makan, masalah air berlebihan, sukar bernafas, anemia dan mengakibatkan komplikasi lebih serius termasuk sawan dan kematian.

Katanya, impak penyakit buah pinggang terhadap individu tidak boleh diremehkan, selain keperluan rawatan susulan berkala, rawatan terakhir dan berpanjangan seperti dialisis juga pemindahan buah pinggang amat diperlukan untuk memberi kualiti hidup yang baik kepada pesakit.

'Kajian yang dilakukan UPM mendapati, hampir 10 hingga 25 peratus pesakit mengalami masalah tekanan perasan termasuk masalah kegelisahan dan keimbangan (anxiety).

"Ia boleh menjasaskan bukan sahaja dari segi sudut sosial malah memberi kesan kepada produktiviti pesakit sebagai seorang pekerja atau pelajar," katanya.

Dr Wan Zul Haikal Hafiz berkata, meskipun dialisis adalah antara kaedah rawatan yang tetapi kosnya sangat mahal dan boleh menccah hingga RM3,000 atau RM5,000 sebulan.

Malah hal ini selari dengan pendedahan PERKESO yang menyebut mereka menanggung 24.2 peratus daripada jumlah keseluruhan tanggungan dialisis di Malaysia atau bersamaan RM334.67 juta.

Diabetes jadi punca

Tambah Dr Wan Zul Haikal Hafiz, masalah buah pinggang menyerang tanpa mengenal usia, bagi bayi, umumnya ia disebabkan faktor keturunan atau kongenital, sementara dalam kalangan kanak-kanak atau



Pemindahan organ antara kaedah rawatan yang diberikan kepada pesakit buah pinggang.
(Foto hilas)

remaja ia disebabkan penyakit autoimun.

Bagi orang dewasa ia disebabkan oleh masalah kencing manis.

Malah katanya, masalah kencing manis adalah penyebab utama masalah buah pinggang di Malaysia.

"Kalau lihat data International Diabetes Federation, Malaysia antara negara dengan prevalen kencing manis tertinggi iaitu hampir 19 peratus atau satu daripada lima rakyat Malaysia adalah pesakit kencing manis.

"Komplikasi utama kencing manis adalah penyakit buah pinggang. Gula yang terlalu tinggi dalam darah akan menyebabkan kerosakan buah pinggang dengan penghasilan protein dalam air kencing, iaitu tanda awal yang menunjukkan buah pinggang mulai rosak," katanya.

Tambahnya, kegagalan buah pinggang yang serius boleh membawa maut dan rawatan yang ditawarkan ketika ini adalah dialisis

dan pemindahan organ.

Dialisis di Malaysia katanya adalah kaedah rawatan yang meluas dan terbahagi kepada dua cara iaitu hemodialisis (HD) dan peritoneal dialisis (PD) dengan hampir 70 peratus pesakit di Malaysia memilih HD.

Beliau berkata, satu lagi kaedah rawatan yang ditawarkan adalah pemindahan buah pinggang atau transplant.

Bagaimanapun, di Malaysia capaian kepada transplant adalah sangat rendah kerana beberapa faktor antaranya kekurangan doktor pakar bedah transplant.

Ketika ini tambahnya, Malaysia hanya memiliki kurang dari 10 pakar bedah transplant selain itu fasiliti yang tidak mencukupi.



Dr Wan Zul Haikal Hafiz Wan Zukiman

"Setakat ini hanya enam hospital yang mempunyai fasiliti lengkap untuk transplant, dan yang paling utama kesedaran masyarakat mengenai transplant yang sangat rendah.

"Walaupun fatwa sudah dikeluaran sejak tahun 2000 mengenai hukum pendermaan organ, bilangan penderma organ di Malaysia sangat rendah terutamanya dalam kalangan orang Islam.

"Sebab utama orang Islam menolak pendermaan organ adalah disebabkan mereka melihatnya sebagai 'menyeka mayat'.

"Walaupun setiap prosedur pengambilan organ sudah diterangkan oleh pakar perubatan dan setiap prosedur dibuat mengikut operasi standard ditetapkan tetapi keluarga penderma tetap tidak membentarkan proses itu berlaku," katanya.

Pencegahan awal penting

Selain daripada transplant dan dialisis, beliau berkata langkah penting awal sangatlah penting. Malah jika doktor mengesyorkan pengambilan ubat-ubatan, pesakit perlu mengambilnya seperti disyorkan.

Dalam masa sama, katanya pesakit perlu mengawal pengambilan gula dan tekanan darah selain mengambil makanan seimbang dan elakkan pengambilan makanan tambahan yang sengsari.

"Elakkan juga pengambilan ubat tahan sakit yang keras dan penting untuk senantiasa melakukan ujian saringan.

"Pencegahan tidak boleh dinafikan memperngaruhi keberkesanan terhadap penyakit ini akan tetapi ubat seperti ACE inhibitor dan ARB perlu diambil pesakit.


"Terdapat rawatan terbaru seperti ubat SGLT-2 inhibitor ia didapati sangat berkesan untuk memanjangkan tempoh pesakit mendapatkan dialisis sehingga lima ke 10 tahun," katanya.

info

Gejala awal masalah buah pinggang

- Rasa lemah dan tidak bertenaga
- Mudah hilang fokus
- Hilang selera makan
- Mengalami masalah tidur
- Kekejangan otot pada waktu malam
- Alami Bengkak pada kakinya dan sendi
- Bengkak di sekeliling mata terutama pada waktu pagi
- Kulit kering dan gatal
- Kerap membuang air kecil terutama pada waktu malam

Sumber: myhealth.gov.my



AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEGARA

Budak lelaki tiga tahun pula maut akibat strok haba



ORANG ramai dinasihatkan agar mengehadkan aktiviti di luar rumah ketika cuaca panas melanda negara ketika ini. — GAMBAR HIASAN

KOTA BHARU — Seorang kanak-kanak lelaki berusia tiga tahun meninggal dunia pada Isnin lalu akibat strok haba selepas empat hari menerima rawatan di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), di sini.

Pengarah Kesihatan Negeri, Datuk Dr. Zaini Husin berkata, mangsa menerima rawatan bermula pada 29 Mac lalu sebelum meninggal dunia pada Isnin lalu.

"Mangsa berasal dari Bachok dan menerima rawatan selama empat hari di HUSM," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Beliau turut menasihatkan supaya ibu bapa memantau aktiviti anak masing-masing dan mengehadkan aktiviti di luar rumah ke-

tika musim kemarau ini.

Dalam pada itu, Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) memaklumkan, kejadian terbaru itu menjadikan jumlah kes kematian akibat strok haba kini sebanyak dua orang.

"Pemantauan sehingga 3 April mendapat jumlah kes kumulatif bagi penyakit berkaitan cuaca panas meningkat kepada 37 kes dengan pecahan kes mengikut diagnosis adalah 10 kes strok haba, 26 kes kelesuan haba dan satu kes kejang haba.

"Terdapat dua kes yang masih mendapat rawatan di hospital, iaitu satu kes strok haba yang dirawat di Unit Rawatan Rapi dan satu kes kelesuan haba dirawat

di wad biasa. Kes-kes lain telah mendapat rawatan dan sembuh," katanya.

Selain itu, bagi bilangan kes seluruhan kes berkaitan cuaca panas mengikut negeri adalah lapan kes di Perak, lapan kes di Kedah, lima kes di Johor, empat kes di Negeri Sembilan, empat kes di Sabah, tiga kes di Selangor, dua kes di Perlis, satu kes di Pahang, satu kes di Pulau Pinang dan satu kes di Kelantan.

Terdahulu, seorang lelaki berusia 22 tahun dilaporkan meninggal dunia di Hospital Sultan Ahmad Shah Temerloh, Pahang pada 2 Februari selepas dia dimasukkan ke hospital pada 31 Januari lalu.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NASIONAL

Budak 3 tahun maut akibat strok haba

KOTA BHARU - Seorang kanak-kanak lelaki berusia tiga tahun yang menjadi mangsa strok haba di negeri ini sempat menerima rawatan di hospital sebelum meninggal dunia pada Isnin lalu.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan, Datuk Dr. Zaini Husin berkata, mangsa dimasukkan ke Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian di sini pada 29 Mac lalu.

"Kejadian itu berlaku di Kampung Teluk, Bachok yang membabitkan kanak-kanak lelaki berusia tiga tahun. Mangsa telah mendapatkan rawatan di HUSM pada 29 Mac lalu.

"Selepas empat hari menerima rawatan, mangsa disahkan meninggal dunia pada 1 April lalu akibat strok haba," katanya.

Terdahulu, Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) melaporkan satu kes kematian baharu akibat strok haba dilaporkan berlaku minggu ini di Kelantan, menjadikan kes kematian berkaitan cuaca panas kepada dua orang.

Kematian pertama melibatkan individu berumur 22 tahun di Pahang pada 2 Februari lepas.

"Pemantauan sehingga 3 April mendapat jumlah kes kumulatif bagi penyakit berkaitan cuaca panas meningkat kepada 37 kes dengan pecahan 10 kes strok haba, kes kelesuan haba (26 kes) dan kes kejang haba (satu kes).

"Terdapat dua kes masih mendapat rawatan di hospital, iaitu masing-masing satu kes strok haba yang dirawat di unit rawatan rapi dan kes kelesuan haba di wad biasa. Kes lain telah mendapat rawatan dan sembah," menurut Nadma memetik sumber Kementerian Kesihatan.

Bagi pecahan mengikut negeri, Perak dan Kedah masing-masing merekodkan lapan kes, Johor (lima), Negeri Sembilan (empat), Sabah (empat), Selangor (tiga), Perlis (dua) dan masing-masing satu kes di Pahang, Pulau Pinang dan Kelantan.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NASIONAL

Belajar sehari terus jadi 'doktor gigi'

Pasangan suami isteri ditahan tawar khidmat rawatan veneer gigi di premis salun kecantikan

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
PETALING JAYA

Bukan sahaja beroperasi sebagai salun kecantikan namun sebuah premis terletak di Damansara Perdana di sini dikesan turut menawarkan khidmat sarung gigi (*veneer*) secara haram dengan mencari pelanggan menerusi media sosial.

Aktiviti itu akhirnya terbongkar selepas diserbu Bahagian Kesihatan Pergigian Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Selangor dengan kerjasama Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya, kira-kira jam 12 tengah hari Rabu.

Mahkamah & Jenayah

JKN Selangor dalam kenyataan berkata, hasil risikan selama sebulan, pihaknya menahan dua individu berusia 23 dan 24 tahun yang juga pasangan suami isteri.

Menurutnya, siasatan awal mendapat promosi rawatan *veneer* dibuat oleh suspect melalui Instagram dan TikTok.

"Ketika serbuan, suspect lelaki sedang menjalankan rawatan veneer gigi terhadap seorang pelanggan."

"JKN percaya spa kecantikan itu menawarkan caj harga sekitar RM400 hingga RM1,000 untuk rawatan veneer selain pemutihan gigi," katanya kepada *Sinar Harian* pada Jumaat.

Beliau berkata, soal siasat terhadap suspect lelaki mendakwa telah menjalankan aktiviti itu sejak dua tahun lalu dan dia hanya belajar untuk membuat rawatan itu selepas menghadiri kelas sehari dengan bayaran

RM2,000 di salun kecantikan lain.

Katanya, suspect juga mengakui perbuatannya disebabkan faktor keuntungan.

"Pelanggan perlu membuat temujanji dan bayar deposit terlebih dahulu untuk



JKN Selangor menyerbu sebuah premis salun kecantikan yang menawarkan khidmat veneer gigi secara haram di Damansara Perdana, Petaling Jaya pada Rabu.

mendapatkan slot rawatan.

"JKN percaya peralatan dan bahan pergigian yang digunakan diperoleh suspect menerusi pembelian secara online," ujarnya.

Tegas JKN Selangor, kes disiasat di

bawah Seksyen 62(1) Akta Pergigian 2018 iaitu menjalankan amalan pergigian oleh orang tidak berkelayakan dan berdaftar yang boleh membawa hukuman denda tidak lebih RM300,000 atau penjara tidak lebih enam tahun atau kedua-duanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATION / NEWS

SECOND SUCH FATALITY

Child, 3, dies of heatstroke in Kelantan

KUALA LUMPUR: A 3-year-old child has become the latest victim of heatstroke in Malaysia, according to a National Disaster Management Agency (Nadma) report.

The incident, which occurred on April 1 in Kelantan, is the second heat-related fatality in the country, following the death of a 22-year-old individual in Pahang on Feb 2.

The Nadma report highlighted a concerning rise in heat-related illnesses, with 37 cases recorded so far.

Among the cases, there have been 10 instances of heatstroke, 26 cases of heat exhaustion and one case of heat cramps.

While some individuals have received treatment and recovered, two cases remain under hospital

care, including one heatstroke patient in the Intensive Care Unit.

Breaking down the statistics by state, Perak and Kedah reported the highest number of cases, with eight each, followed by Johor with five, Negeri Sembilan and Sabah with four each, Selangor with three, Perlis with two, and one case each in Pahang, Penang and Kelantan.

The water supply situation is also a cause for concern, with six dams across the country showing declining levels, three of which are in Kedah: Muda Dam (39.12 per cent), Malut Dam (35.7 per cent), and Kedah's BS Padang Saga Dam (41.29 per cent).

The Sembrong Barat Dam in Johor (31.51 per cent), Air Hitam Dam

in Penang (34.6 per cent), and Timah Tasoh Dam in Perlis (56.46 per cent) were also at warning levels.

Furthermore, the Irrigation and Drainage Department has issued drought forecast alerts for the Muda River Basin in Kedah and the Kelantan River Basin in Kelantan.

Meanwhile, the Environment Department has flagged three areas — Kimanis in Sabah, Balok Baru in Kuantan, and Rompin in Pahang — for unhealthy air quality from April 1 until now.

As the nation grapples with rising temperatures and its associated challenges, authorities urge the public to take precautions to safeguard their health and wellbeing.

Bernama